

UniMas juara tarian Makum

BATUPAHAT - Sebanyak 10 universiti awam menyertai Pertandingan Tarian Negeri-negeri Semenanjung dan Sabah Sarawak peringkat Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) yang berlangsung pada 4 hingga 5 April lalu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Safry Salim berkata, ia dikendalikan Unit Kebudayaan, Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar, UTHM.

Katanya, pusat itu merupakan program di bawah Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

“Universiti terlibat termasuklah UiTM, Universiti Malaysia Sarawak (UniMas), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Perlis, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

“UniMas juara pertandingan ini, diikuti UPM dan USM di tempat ketiga. UTHM selaku tuan rumah meraih Anugerah Khas Juri bagi kategori tarian dari Semenanjung,” katanya.

Menurutnya, pertandingan ini melibatkan hampir 20 jenis tarian yang berasal dari negeri di Malaysia.



Peserta bergambar sejurus selesai pertandingan.